



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**20 NOVEMBER 2018 (SELASA)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Utusan Malaysia**

- Sebuah rumah tidak selamat, 17 dalam pemantauan

56



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**20 NOVEMBER 2018 (SELASA)**

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Sebuah rumah tidak selamat, 17 dalam pemantauan
Muka Surat	56

## Sebuah rumah tidak selamat, 17 dalam pemantauan

**AMPANG JAYA 19 Nov.** - Sebuah kediaman di Kampung Tasik Permai di sini diklasifikasikan sebagai tidak selamat, manakala 17 rumah lagi masih dalam kajian risiko agensi berkaitan.

Pengarah Kejuruteraan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Zafrul Fazry berkata, perkara itu telah dimaklumkan kepada pemilik agar mengosongkan segera rumah mereka.

Menurutnya, penghuni akan dibenarkan pulang ke kediaman itu semula selepas siasatan dan kajian selesai dan disahkan selamat.

"MPAJ dan Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat serta Ahli Jawatankuasa Bencana akan bekerjasama menyelesaikan

kan isu melibatkan keselamatan penduduk di kawasan berkenaan.

"Kerja-kerja baik pulih di kawasan runtuh akan dilaksanakan segera bagi memastikan keselamatan penduduk terjamin," katanya dalam sesi taklimat bersama penduduk terbabit baru-baru ini.

Minggu lepas, dapur sebuah rumah di Kampung Tasik Permai runtuh, manakala dua lagi kediaman bersebelahannya retak teruk akibat hakisan tebing sungai selepas hujan lebat yang melanda Lembah Klang.

Kejadian berlaku apabila terdapat hakisan longkang besar atau *monsoon drain* di bawah rizab Jabatan Pengairan dan Sa-

liran.

Menurut Zafrul, pihak MPAJ juga akan membuat siasatan dan kajian ke atas 17 kediaman lagi sepanjang jajaran monsun drain di kawasan itu.

"Berdasarkan rekod MPAJ, rumah lot kampung di kawasan ini tiada permohonan secara formal untuk ubah suai kediaman namun, pemantauan secara visual terhadap rumah tersebut untuk mengesan kerosakan tetap akan dilakukan," katanya.

"Penduduk juga diminta segera memaklumkan kepada MPAJ sekiranya menemui tanda-tanda perubahan kepada struktur rumah masing-masing," ujarnya.



DAPUR sebuah kediaman di Kampung Tasik Permai, Ampang, Selangor yang runtuh ekoran hakisan tebing sungai ketika hujan lebat minggu lalu.